

31 DEC 2001

Mahathir-Perutusan (Ekonomi)

MALAYSIA DAPAT TANGKIS KESAN BURUK EKONOMI DUNIA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia bernasib baik jika dibandingkan dengan apa yang berlaku di kebanyakan negara lain kerana dapat menangkis banyak daripada kesan buruk yang disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dunia.

"Semua ini adalah hasil sikap sederhana serta rasional majoriti rakyat Malaysia yang dapat membantu Kerajaan dalam usaha menangkis percubaan-percubaan dan tekanan yang boleh merosakkan ekonomi, kewangan dan kestabilan negara," kata beliau dalam perutusan tahun baru 2002 hari ini.

Menurutnya lagi, kepakaran yang terdapat dalam Kerajaan Malaysia juga membolehkan pelbagai pendekatan dan tindakan dicipta dan dilaksanakan untuk menyelamatkan negara.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara ini bergantung kepada kepantasan atau kemampuan kerajaan dan rakyat apabila berhadapan dengan masalah.

"Setakat ini kita masih dapat menyelamatkan diri kita dengan menggunakan pendekatan kita sendiri. Alhamdulillah, penolakan nasihat IMF bukan sahaja telah menyelamatkan kita tetapi mengekalkan kebebasan kita dalam mentadbir negara kita sendiri," katanya lagi.

Beliau bersyukur kepada Allah kerana Malaysia akan memasuki tahun 2002 dalam keadaan yang terus tenang, aman dan stabil; rakyatnya bersatu padu dan sejahtera serta ekonominya terus kukuh walaupun ditekan oleh ekonomi dunia yang merosot akibat kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun, lebih-lebih lagi selepas serangan ganas 11 September.

Menurut Dr Mahathir walaupun ekonomi dunia merosot dan pelaburan asing berkurangan dengan teruk serta eksport menurun tetapi dengan perancangan dan galakan melalui peruntukan khas, Malaysia dapat menggantikan sumbangan luar kepada pertumbuhan ekonomi dengan sumber dalaman.

Ini dapat dilakukan kerana kedudukan kewangan negara yang kukuh hasil daripada pengurusan kewangan yang berhemat.

Tidak mungkin kerajaan dapat membayar bonus dan mengadakan pakej rangsangan berbilion Ringgit jika tidak mempunyai simpanan dan tabungan yang besar.

"Kita tidak perlu pinjam dari luar negeri kerana sumber dalaman lebih daripada mencukupi. Walaupun demikian kita berhati-hati dalam membelanjakan wang negara kerana kita tidak dapat tentukan bila ekonomi dunia akan pulih dan kita tidak dapat tentukan yang malapetaka lain tidak akan berlaku", tambahnya.

Rakyat dan Kerajaan dapat memelihara ekonomi negara tanpa terlalu bergantung kepada faktor luaran kerana sokongan rakyat terhadap kawalan pengaliran modal menjamin simpanan matawang asing tidak merosot dengan cepat.

Oleh kerana perbelanjaan adalah lebih dalam negeri maka pengaliran wang ke luar negara tidak mengurangkan kekuatan kewangan negara.

Di samping itu, Dr Mahathir berkata di Malaysia terdapat semua keperluan hidup, termasuk tempat-tempat melancong untuk semua tahap pendapatan. Oleh itu, tidak ada yang kurang di negara ini dan kebanyakan daripada keperluan makanan serta kelengkapan adalah hasil usaha rakyat sendiri.

"Bukanlah niat kita untuk mengurangkan dagangan antarabangsa kita. Tetapi peratusan pergantungan kita kepada faktor luaran yang tidak dapat dikawal oleh kita hendaklah kita kurangkan supaya apabila ekonomi dunia

tumbuh semula ianya dapat menguntungkan kita, sementara kemerosotannya tidak terlalu menekan kita", katanya.

Selain daripada itu, katanya, Malaysia juga harus tingkatkan eksport barangan selain daripada barangan elektronik dan elektrik supaya sektor itu tidak terlalu mempengaruhi prestasi ekonomi.

-- BERNAMA

SHO OS PR